

## **Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Iklim Sekolah Di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi di Kelantan**

\*Mohd Akhmarudi Mohd Yusoff  
Siti Noor Ismail  
Anis Salwa Abdullah  
\**mohd.akhmarudi@gmail.com*

### **ABSTRACT**

This study aims to confirm an instrument to evaluate school climate and to determine the stability of its content validity and reliability through the pilot study and the main study as well. The framework and development of this instrument were based on the Context-Input-Process-Product Evaluation (CIPP) model. The study was implemented in three phases, comprising the literature review, the translation of the instrument, and the analysis of the content validity and reliability of the instrument. The review of the literature confirmed five dimensions of school climate, namely collaboration, student relationship, school resource, decision-making, and instructional innovation. The translated instrument, which consisted of 21 items, was utilized for this study. All of the three field experts satisfied and agreed that the translated version of the instrument had achieved an acceptable content validity. Besides, to determine the reliability of the instrument, a pilot study was conducted in a secondary school in Kota Bharu District, Kelantan. While for the field study, a total of 355 teachers were selected as the respondents from the total population in 18 secondary schools. The scale and descriptive analysis were implemented to obtain the reliability and the mean score of the school climate in the IBM Statistical Package for Social Science (IBM SPSS) Version 20.0 software. The reliability analysis for the pilot study confirmed that Cronbach's alpha for the overall school climate showed a moderate value ( $\alpha=.79$ ). While for each dimension, Cronbach's alpha showed good and excellent reliability values, respectively, ranging from  $\alpha=.83$  to  $\alpha=.90$ . Thus, all items in the instruments were retained and accepted for the field study. Interestingly, the reliability analysis for the field study stated a better, excellent value of Cronbach's alpha ( $\alpha=.97$ ) for the overall school climate. While for each dimension, Cronbach's alpha maintained good and excellent reliability values, ranging from  $\alpha=.84$  to  $\alpha=.91$ . For the descriptive analysis, the output showed that all dimensions were at high levels, as well as for the whole school climate ( $M=5.42$ ,  $SD=.78$ ). The instrument in the school climate utilized for this study was acceptable to help teachers to understand their school climate. This self-evaluation instrument of school climate could be an essential resource and guidance to assist teachers in determining and understanding their school climate more efficiently, as well as for establishing a pleasant climate or environment to facilitate effective change mechanisms in schools.

**Key Words:** *School climate, Teachers, Secondary schools, Validity, Reliability*

## **PENGENALAN**

Iklm sekolah merupakan satu aspek yang memberi impak yang besar ke atas kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi. Pengurus merupakan modal insan yang paling utama dalam mengemudi sesebuah organisasi yang turut berperanan mewujudkan iklim yang harmoni kepada pekerja sebagai pelanggan dalaman bagi sesebuah organisasi ke arah mencapai matlamat individu dan organisasi.

Teori berkenaan iklim sekolah dipelopori oleh Harpin dan Croft (1963) yang merupakan perintis dalam kajian iklim sekolah. Iklim sekolah menggambarkan personaliti seseorang guru itu sendiri serta kaedah guru tersebut berusaha untuk mencapai tahap iklim sekolah yang baik. Manakala, Howard (1974) menakrifkan iklim sekolah sebagai suatu keadaan sosial dan budaya sekolah yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. Selain itu, konsep iklim sekolah oleh Fisher dan Fraser (1990) telah mengkategorikan iklim sekolah kepada lima dimensi seperti bekerjasama, hubungan dengan murid, sumber-sumber sekolah, membuat keputusan dan inovasi pengajaran boleh dijadikan sebagai rujukan.

Malah, salah satu takrifan yang biasa ditemui dalam tinjauan literatur dalam bidang pendidikan berkaitan mentakrifkan iklim sekolah sebagai suatu kualiti serta peranan warga sekolah yang berasal dari corak pengalaman hidup yang mencerminkan norma, matlamat, nilai, hubungan interpersonal, amalan instruksional, pembelajaran, kepimpinan, serta struktur organisasi (Cohen, McCabe, Michelli, & Pickeral, 2009). Maka, sokongan di sekolah secara kolektif, termasuk hubungan antara dan dalam kalangan pelajar dan guru, merupakan aspek penting bagi iklim sekolah (You et. al., 2014), selain peluang untuk merasai kekitaan dan kebersamaan, keselamatan sekolah, sumber fizikal sekolah, dan amalan disiplin (O'Malley, Katz, Renshaw, & Furlong, 2012, 2015; Zullig, Koop-man, Patton, & Ubbes, 2010). Maka bagi mencapai matlamat ini, iklim sekolah perlu ditingkatkan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai teras pembangunan pendidikan kebangsaan perlu dijadikan sebagai salah satu titik permulaan bagi memperkasakan sistem pendidikan. Selain itu, PPPM juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh kementerian untuk memartabatkan profesion perguruan. Sebarang keputusan seharusnya berpusat guru-guru dan murid-murid, serta bukan hanya berfokuskan kepada satu pihak semata-mata. Sebarang pelaksanaan dasar atau program baru perlu dikaji dengan lebih mendalam, antaranya mengkaji kesan yang berkemungkinan akan mempengaruhi pihak guru, sama ada aspek positif atau pun negatif.

Justeru, adaptasi dan penggunaan instrumen kajian adalah bertujuan untuk memahami pemboleh ubah tersebut dengan berlatarbelakangkan kepada penerokaan dan pemahaman konsep iklim sekolah dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan. Memandangkan iklim sekolah yang positif atau negatif akan mempengaruhi keberkesanan pada peringkat guru (Mohd Faizul Mohd Noor, Mohd Saifulkhair Omar & Fauzi Hussin, 2016), maka, kefahaman terhadap iklim sekolah yang baik dalam kalangan guru-guru dapat membekalkan pengalaman yang bermakna agar dapat membantu guru-guru menyelesaikan masalah dan mengaplikasikan konsep tersebut dalam kehidupan seharian di sekolah.

## **PENYATAAN MASALAH**

Konstruk iklim sekolah telah menerima perhatian yang meluas sebagai satu cara untuk meningkatkan pencapaian murid dan mengurangkan masalah tentang tingkah laku dalam kalangan warga sekolah. Penilaian terhadap kewujudan literatur-literatur tentang iklim di sesebuah sekolah serta kaedah untuk memfokuskan kekuatan, kelemahan, serta jurang dalam apa sahaja cara yang boleh dilaksanakan oleh para penyelidik bagi mendalami konstruk iklim sekolah tersebut (Wang & Degol, 2016).

Di samping itu, banyak kajian menunjukkan bahawa iklim sekolah dapat memberi kesan yang besar terhadap hasil bagi pelajar, guru, dan sekolah. Walau bagaimanapun, konstruk iklim sekolah ini sering dinilai sebagai ukuran ringkasan, tanpa mengambil kira pelbagai perspektif (murid, guru, ibu bapa) atau meneliti sub-dimensi di dalam konstruk secara lebih luas. Kajian yang menilai iklim sekolah daripada perspektif murid, guru, dan ibu bapa di sekolah bandar dalam daerah yang besar menggunakan teknik pemodelan bertingkat untuk memeriksa varians dalam dan antara sekolah menunjukkan pentingnya mempertimbangkan jenis responden semasa membuat penilaian terhadap iklim di sekolah. Memahami bagaimana persepsi berbeza antara responden mampu menyampaikan intervensi untuk meningkatkan persepsi serta mencegah hasil yang tidak menyenangkan. Dari sudut murid, pelajar melaporkan persepsi terendah terhadap keselamatan dan hubungan, manakala ibu bapa memberikan penilaian paling rendah terhadap dimensi penglibatan ibu bapa. Guru-guru pula memberikan penilaian paling rendah terhadap penekanan akademik. Maka, perlu difahami bagaimana persepsi berbeza antara responden mampu menyampaikan intervensi yang sesuai untuk meningkatkan persepsi serta mencegah hasil yang tidak menyenangkan (Ramsey, Spira, Parisi & Rebok, 2016).

Justeru, iklim sekolah telah menjadi tumpuan dan mendapat perhatian yang lebih meluas dalam merancang dan membentuk polisi pendidikan. Sebagai tindak balas terhadap keadaan tersebut, para pendidik mencari strategi untuk memperbaiki iklim di sekolah mereka. Namun, belum ada sintesis yang menyeluruh tentang bukti empirikal terhadap faktor yang berfungsi dalam peningkatan iklim sekolah. Tinjauan sistematik telah dijalankan terhadap program dan amalan dengan sokongan empirikal untuk menambah baik iklim sekolah. Tinjauan tersebut telah menentukan iklim sekolah dan menyediakan metodologi untuk mengenal pasti dan menilai kajian yang berkaitan melalui kekuatan bukti yang berbeza-beza serta elemen umum yang merangkumi program dan amalan yang telah dikaji. Malah, kajian-kajian lain juga perlu mencari rumusan berkenaan dengan penilaian kritikal tentang apa yang diketahui mengenai peningkatan iklim sekolah dan apa yang masih perlu diterokai (Voight & Nation, 2016).

Maka, guru mahupun pentadbir sekolah perlu peka terhadap faktor iklim sekolah dalam mempromosikan tujuan penstrukturan sekolah, selain mempromosikan hubungan interpersonal dan pencapaian akademik. Alat pengukuran iklim sekolah yang baik boleh digunakan untuk mengenal pasti perbezaan persepsi antara guru besar dan guru yang akan meningkatkan keberkesanan guru di sekolah. Para pendidik perlu melihat secara kritikal aspek kejayaan sekolah dan berusaha untuk memulakan perubahan di sekolah bagi mencapai kejayaan yang membuahkan hasil (Najeemah M. Yusof, 2012).

Iklm sekolah merupakan satu konsep heterogen yang dikenal pasti melalui pelbagai instrumen standard dan sah yang telah tersedia bagi mengukur pemboleh ubah tersebut. Bahkan, instrumen yang sama kadang kala dapat disesuaikan agar memenuhi keperluan semasa dan setempat menggunakan pendekatan teori yang berbeza untuk memfokuskan perhatian pada dimensi iklim di sekolah yang berbeza-beza (Kohl, Recchia & Steffgen, 2013)

Memandangkan terdapat banyak instrumen yang telah disahkan untuk mengukur iklim sekolah, para penyelidik harus mempertimbangkan sama ada perlu membuat adaptasi dan penyesuaian skala atau membina sendiri skala. Pendekatan teoritikal baru memerlukan penyesuaian skala yang telah disahkan sebelumnya, tetapi penciptaan instrumen yang sama sekali baru harus didahului oleh pertimbangan yang teliti terhadap sesuatu keperluan. Namun kadang kala instrumen yang dibangunkan sendiri mempunyai pekali alfa Cronbach yang sederhana (Henrich, Brookmeyer & Shahar, 2005; Lee, 2010, 2012), malah item dan dimensinya tidak jauh berbeza dari skala yang sedia ada. Oleh itu, memilih instrumen yang telah disahkan sebelumnya mungkin merupakan pilihan yang lebih baik. Justeru, semasa membuat keputusan mengenai pemilihan instrumen pengukuran, penyelidik harus mempertimbangkan pelbagai faktor, antaranya, mempertimbangkan pendekatan teoritikal dan konseptual, untuk menentukan data yang perlu dikumpulkan, responden, sifat populasi sasaran dan justifikasi pemilihan instrumen sama ada instrumen yang disahkan, yang sudah ada, serta dapat memenuhi keperluan kajian ataupun tidak (Kohl, Recchia & Steffgen, 2013).

Justeru, kajian ini wajar dijalankan sebagai satu usaha untuk mengesahkan satu instrumen yang dapat memenuhi objektif kajian ini di samping memberi peluang kepada guru-guru untuk menilai persepsi mereka terhadap iklim sekolah di institusi mereka mengajar, bagi tujuan menambah baik faktor keberkesanan pada peringkat guru.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Pembangunan sekolah yang berkesan, cekap, produktif dan berakauntabiliti perlu didasari oleh perubahan dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan pendidikan, antaranya iklim sekolah. Perubahan terhadap iklim sekolah perlu dilakukan sebagai satu tindak balas terhadap keadaan pendidikan yang semakin mencabar. Senario ini diperkukuhkan lagi dengan perubahan-perubahan asas dalam pelbagai sudut kehidupan, yang memerlukan penyesuaian terhadap pendidikan dan iklim sekolah yang kondusif bagi mendasari proses pembelajaran yang bermakna. Iklim dan budaya sekolah yang menyenangkan diserlahkan dengan wujudnya lingkungan pembelajaran yang nyaman dan tersusun sehingga pembelajaran dapat berlangsung dengan berkesan. Iklim dan budaya sekolah yang kondusif sangat penting agar murid berasa selesa dan bersikap positif terhadap sekolah, malah guru berasa dihargai, seterusnya ibu bapa dan masyarakat berasa diterima dan dilibatkan. Keadaan ini berlaku melalui pembinaan norma dan kebiasaan yang positif, serta hubungan dan kerja sama yang baik berasaskan sikap saling menghormati antara satu sama lain (Lailatu Zahro, 2016).

Malah, iklim sekolah merupakan hasil yang wujud daripada hubungan interpersonal dalam kalangan pelajar, keluarga, guru, kakitangan sokongan, dan pentadbir. Sekolah merangkumi aspek akademik, masyarakat, keselamatan, dan dimensi persekitaran institusi yang merangkumi hampir setiap ciri persekitaran sekolah yang boleh mempengaruhi kognitif, tingkah laku, dan psikologi

pembangunan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa iklim sekolah mempunyai persamaan dengan aspek persekitaran sekolah. Semua persekitaran sekolah adalah berlainan manakala sesetengah sekolah mempamerkan suasana yang mesra, menarik, dan menyokong. Terdapat juga persekitaran sekolah yang kurang sifat tanggungjawab dan tidak selamat (Wang & Degol, 2015).

Selain itu, iklim sekolah juga mempengaruhi daya saing sesebuah negara yang turut bergantung pada kecemerlangan institusi pendidikan. Maka iklim sekolah sebagai gabungan kepercayaan, nilai, dan tingkah laku pelajar, tenaga pengajar, pemimpin dan ibu bapa, tahap kemerdekaan, gaya kepimpinan, dan kepuasan kerja boleh dianggap sebagai senario yang berlaku di sekolah. Sebahagian besarnya adalah ditentukan oleh pemimpin dan memberi kesan kepada cara murid dan guru-guru menilai sekolah serta memberi kesan kepada nilai dan sikap guru-guru terhadap sekolah dan kerjaya (Rapti, 2012).

Sekolah berprestasi tinggi misalnya, mempunyai tahap iklim sekolah yang paling tinggi (Suhaili Mohd Yusoff & Khaliza Saidin, 2016; Mohd Faizul Mohd Noor, Mohd Saifulkhair Omar & Fauzi Hussin, 2016; Siti Noor, 2011; Fei & Han, 2017). Malah, tahap keterbukaan iklim sekolah dan komitmen guru secara keseluruhan di lima sekolah terpilih adalah tinggi (Najeemah M. Yusof, 2012). Di samping itu, sekolah-sekolah menengah yang mempunyai iklim positif dan terbuka, menunjukkan faktor tingkah laku profesional guru sebagai penyumbang terbesar. Pembuat dasar dan pengetua perlu menyediakan iklim organisasi yang positif dan menjaga kepuasan kerja guru agar dapat meningkatkan kualiti sekolah di Malaysia (Ghavifekr & Pillai, 2016).

Selain itu, iklim sekolah juga telah dikaitkan dengan pelbagai tingkah laku murid, akademik, kesihatan, dan hasil daripada sosial-emosi. Model fit yang sesuai dengan model tiga-faktor daripada teori iklim sekolah ialah merangkumi 13 dimensi iaitu keselamatan (keselamatan yang dirasakan, pembulian dan pencerobohan, dan penggunaan dadah); pelibatan (hubungan dengan guru, hubungan pelajar, pelibatan akademik, hubungan sekolah, ekuiti, dan pelibatan ibu bapa); persekitaran (peraturan dan akibat, keselesaan, sokongan, dan gangguan fizikal) (Bradshaw, Waasdorp, Debnam, & Johnson, 2014).

Ebrahim dan Mohamadkhani (2014) menjelaskan tujuan untuk mengkaji kepentingan iklim organisasi terhadap pelibatan guru di sekolah. Iklim yang kondusif menggalakkan guru bersemangat untuk menyelesaikan tugas-tugas mereka. Dewasa ini, guru-guru telah dibebani dengan pelbagai tugas perkeranian selain tugas-tugas utama mereka dan keadaan ini tidak menyeronokkan mereka. Transformasi dalam bidang pendidikan telah mengambil banyak masa guru untuk melakukan kerja-kerja perkeranian. Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan baik, isu ini akan memberi kesan terhadap minat mereka untuk kekal berada di sekolah atau menjadi kurang bersemangat dalam pekerjaan mereka. Sebaliknya, jika iklim sekolah telus dan positif, guru-guru akan berasa selesa melakukan kerja mereka dengan rakan-rakan mereka (Fei & Han, 2017).

Selain itu, iklim sekolah turut mempengaruhi produktiviti dan keberkesanan guru, serta kemampuan guru untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada murid dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa, selain memberikan perkhidmatan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Keadaan ini mempengaruhi peluang peribadi untuk berkembang secara profesional dan personal, yang diharapkan dapat mempengaruhi proses pengajaran dan

pembelajaran di sekolah, serta output sekolah dari segi pencapaian pelajar (Aladenusi & Ayodele, 2014).

Di samping itu, iklim sekolah juga sangat penting untuk mempengaruhi kepuasan kerja peribadi, dan juga mempengaruhi kecekapan kerja, yang turut menyumbang kepada perasaan yang mendalam tentang amalan kerja terhadap ciri-ciri organisasi, seterusnya akan memberi kesan dalam menentukan tingkah laku dan sikap kakitangan (Collie, Shapka, & Perry, 2012).

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Pemilihan dan pengesahan instrumen iklim sekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi berpandukan model KIPP (Konteks-Input-Proses-Produk) ini dapat membantu guru-guru membuat refleksi sendiri terhadap apa yang telah dialami dan dilalui dalam persekitaran sekolah. Guru juga dapat mengetahui tahap penerimaannya terhadap dimensi-dimensi iklim sekolah yang dialami selama ini seterusnya berusaha untuk memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam pengurusan iklim sekolah di sekolah mereka.

Instrumen ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan guru-guru dalam membantu perancangan strategi pengurusan iklim sekolah yang lebih berkesan. Hasil dapatan kajian ini membolehkan guru-guru lebih memahami dan mengetahui tahap pemahaman dan penguasaan sendiri terhadap iklim sekolah mereka. Guru-guru juga dapat mengenal pasti masalah yang mungkin dihadapi semasa keberadaan dalam persekitaran di sekolah. Selain itu, instrumen iklim sekolah ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi meninjau sejauh mana iklim sekolah yang baik dan kondusif telah tercapai secara optimum pada keadaan semasa bersesuaian dengan sasaran dan hala tuju sesebuah institusi pendidikan.

## **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur kebolehpercayaan dan tahap iklim sekolah di sekolah-sekolah berprestasi tinggi di Kelantan. Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif berikut:

1. Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen iklim sekolah
2. Mengukur tahap iklim sekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan keratan rentas bagi menguji persepsi guru tahap iklim sekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan, Malaysia yang bertujuan untuk menerangkan atau meramal sesuatu keadaan yang sedang berlaku (Khalid, 2003). Bagi kajian tinjauan, penggunaan instrumen merupakan kaedah yang berkesan dan menyediakan maklumat dalam bentuk kuantitatif daripada sesuatu kaji selidik yang lebih umum (Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Subramaniam, 2002). Nilai hasil kajian yang diperolehi bergantung kepada cara penyempurnaan sesuatu instrumen tersebut direka bentuk (Lu, 2004). Selain itu, kajian tinjauan ini digunakan untuk menyemak kebolehfungsi setiap item, di


samping kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan data bagi item yang diperoleh (Syed Muhd Kamal, Ahmad & Syed Muhamad Dawilah, 2014).

### ***Kerangka Kajian***

Kerangka kajian direka bentuk berdasarkan model penilaian KIPP yang dibangunkan oleh Stufflebeam (1971). Model ini adalah berasaskan kepada empat jenis maklumat penilaian iaitu penilaian konteks, input, proses dan produk yang diperlukan oleh pengguna untuk membuat keputusan. Di dalam kajian ini, model KIPP digunakan dalam membuat penilaian kesesuaian dan kebolegunaan instrumen iklim sekolah yang diadaptasi daripada instrumen asal.

Penilaian konteks merujuk kepada persekitaran, serta sebarang perubahan yang akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi di sekolah-sekolah menengah berprestasi tinggi. Proses ini bertujuan bagi menyesuaikan isi kandungan instrumen secara keseluruhannya dengan persekitaran unit analisis. Penilaian input pula memfokuskan kepada sumber yang terlibat dalam mengadaptasi instrumen bagi kegunaan guru-guru sekolah menengah berprestasi tinggi. Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dibuat, lima dimensi utama dikekalkan dan dijadikan sebagai asas kepada kerangka kajian ini. Dimensi-dimensi tersebut ialah kolaborasi, hubungan pelajar, sumber sekolah, membuat keputusan dan inovasi pengajaran.

Manakala, penilaian proses menumpukan kepada proses yang dilaksanakan untuk menterjemahkan instrumen ke dalam Bahasa Malaysia. Item-item dalam instrumen dipastikan memenuhi maksud asal instrumen berdasarkan dimensi-dimensi yang telah tersedia. Manakala, penilaian produk tertumpu kepada penyediaan dan penghasilan instrumen penilaian guru terhadap iklim sekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan memuaskan. Model KIPP ini digunakan untuk membina satu kerangka konseptual yang menjelaskan hubungan antara konteks-input-proses-produk, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka Konseptual

### ***Populasi dan Persampelan***

Populasi kajian ini adalah guru yang mengajar di sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan. Senarai sekolah-sekolah menengah berprestasi tinggi dipilih berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi kajian ini, kaedah persampelan

berstrata dan rawak mudah dipilih kerana kajian ini dilaksanakan ke atas populasi melibatkan kawasan yang luas di seluruh Kelantan dan bilangan subjek yang ramai dalam populasi yang berkenaan (Lim, 2007). Sampel kajian yang telah dipilih merupakan responden dalam pelaksanaan kajian rintis dan kajian lapangan. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia (KPM, 2019), terdapat sebanyak 138 sekolah menengah harian biasa di Kelantan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 buah sekolah merupakan sekolah menengah berprestasi tinggi, iaitu sekolah yang mencapai GPS SPM pada julat 3.0 hingga 4.5.

Semasa kajian dilaksanakan, jumlah populasi guru di sekolah-sekolah berkenaan adalah seramai 4704 orang. Berdasarkan jadual penentuan sampel saiz Krejcie dan Morgan (1970), bilangan responden yang sepatutnya terlibat adalah seramai 357 orang. Oleh itu, bagi memastikan bilangan responden yang diperolehi adalah mencukupi, sebanyak 25 set soal selidik telah diedarkan ke kesemua 18 buah sekolah menengah berprestasi tinggi berkenaan. Secara keseluruhannya semua soal selidik yang diedarkan berjumlah 450 set. Peratusan guru-guru yang memulangkan semula set soal selidik adalah 78.9% daripada kesemua soal selidik yang telah diedarkan. Maka, jumlah sampel akhir untuk kajian lapangan ialah seramai 355 orang, yang telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah kerana ciri-ciri di setiap kategori sekolah adalah homogen, seperti Jadual 1.

Jadual 1  
Bilangan Sampel Kajian

<b>Kategori Sekolah Mengikut GPS SPM 2018</b>	<b>Pencapaian GPS</b>	<b>Bilangan Sekolah</b>	<b>Jumlah Guru</b>	<b>Bilangan Responden Krejcie &amp; Morgan (1970)</b>	<b>Bilangan Soal Selidik Diedar</b>	<b>Bilangan &amp; Peratus Sampel Kajian</b>
Sekolah Berprestasi Tinggi	3.0- 4.5	18	4704	354-357	450	355 78.9%

Responden terdiri daripada 214 guru perempuan (59.40%) dan 146 guru lelaki (40.60%). Manakala bilangan guru antara umur 31 dan 35 tahun adalah seramai 60 (16.70%), antara 36 dan 40 tahun adalah 66 (18.30%), antara 41 dan 45 tahun adalah 113 (31.40%), antara 46 dan 50 tahun adalah 74 (20.60%) dan 51 tahun berumur 47 tahun (13.10%). Taburan responden kajian diperincikan seperti Jadual 2.

Jadual 2  
Analisis Demografi Responden

<b>Item Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Jantina	Lelaki	146 40.6
	Perempuan	214 59.4



<b>Item Demografi</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Keseluruhan</b>		<b>360</b>	<b>100.0</b>
Umur	31 – 35 tahun	60	16.70
	36 – 40 tahun	66	18.30
	41 – 45 tahun	113	31.40
	46 – 50 tahun	74	20.60
	51 tahun dan ke atas	47	13.10
<b>Keseluruhan</b>		<b>360</b>	<b>100.0</b>

### ***Instrumen***

Mengadaptasi atau membangunkan skala baru kedua-duanya mempunyai pelbagai kelebihan dan kekurangan. Membuat skala baru boleh memberi kelebihan jika pengkaji mengambil pendekatan baru bagi sesuatu masalah atau berhadapan dengan konteks yang baru, dan skala yang sedia ada mungkin tidak merangkumi semua dimensi dalam pemboleh ubah. Selain itu, menyesuaikan skala yang sudah disahkan mempunyai kelebihan, iaitu skala asal dan ukuran kesahan dan kebolehpercayaannya dapat bertindak sebagai penanda aras untuk ukuran kesahan dan kebolehpercayaan skala yang diadaptasi. Dari segi kelemahan, pengkaji perlu ingat bahawa skala baru, sama ada diadaptasi atau baru dibangunkan, seharusnya menjalani ujian kesahan dan kebolehpercayaan yang ketat untuk mengukur instrumen yang telah diuji secara meluas dalam populasi yang berbeza. Juga, dalam keadaan di mana instrumen yang telah disahkan mampu merangkumi semua dimensi dalam pemboleh ubah yang diperlukan, adalah merugikan untuk mengadaptasi atau membuat sesuatu skala baru, iaitu lebih baik menggunakan instrumen yang telah sah dan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik (Kohl, Recchia & Steffgen, 2013).

Justeru, instrumen untuk iklim sekolah telah diadaptasi daripada instrumen yang digunakan dalam kajian oleh Johnson, Stevens & Zvoch (2007). Instrumen yang mengandungi 21 item ini menggunakan skala interval 7 mata antara 1-Sangat Tidak Setuju hingga 7-Sangat Setuju. Lima dimensi yang terlibat adalah kolaborasi, hubungan dengan pelajar, sumber sekolah, membuat keputusan dan inovasi pengajaran. Bilangan dan pembahagian item mengikut dimensi bagi instrumen ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Taburan Item Berdasarkan Dimensi dalam Instrumen Kajian

<b>Dimensi</b>	<b>Nombor Item</b>	<b>Bilangan Item</b>
Kolaborasi	1 – 6	6
Hubungan pelajar	7 – 10	4
Sumber sekolah	11 – 14	4
Membuat keputusan	15 – 17	3
Inovasi pengajaran	18 – 21	4
<b>Instrumen Iklim Sekolah</b>	<b>1 – 21</b>	<b>21</b>

### ***Kesahan Instrumen Kajian***

Instrumen kajian ini telah diadaptasi dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia daripada instrumen asal dalam Bahasa Inggeris maka, semakan dan pengesahan pakar bidang diperlukan untuk memastikan ketepatan dimensi, kejelasan kandungan, iaitu item-item yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah iklim sekolah adalah tepat (Kline, 2005; Zainudin Awang, 2015).

Terjemahan ini dilakukan bagi membantu responden menjawab soal selidik dengan mudah kerana dikemukakan dalam bahasa tempatan. Malah, kaedah tersebut bertujuan mengurangkan kekeliruan dan ketidakfahaman yang sering berlaku, sekali gus untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

Bagi memastikan terjemahan yang dilakukan adalah tepat seperti isi kandungan soal selidik asal yang dibina dalam bahasa Inggeris, pakar bahasa dan juru penterjemah dirujuk untuk membuat perbincangan dan semakan. Hasil daripada perbincangan ini, terdapat beberapa pengubahsuaian terhadap perkataan dan frasa telah dilakukan bagi memantapkan isi kandungan instrumen tersebut dengan memastikan penterjemahan dan penyesuaian perkataan dan frasa tidak mengubah dan menjejaskan maksud asal soal selidik.

Apabila proses penterjemahan selesai, instrumen kajian telah diserahkan kepada tiga pakar bidang untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya sesuai dan menepati objektif kajian. Keseluruhan instrumen telah disemak oleh pakar-pakar bidang pengurusan pendidikan bagi tujuan memastikan kesahan kandungan (*content validity*). Maka, hasil maklum balas penilaian pakar dikumpulkan dan dianalisis. Pakar penilai ini telah membuat semakan, memberi respon serta komen terhadap item-item yang telah diterjemah. Melalui proses ini keperluan untuk mendapatkan kesahan muka akan dicapai dan dipenuhi.

Berdasarkan maklum balas serta komen daripada kumpulan pakar yang dirujuk, penempatan item menurut dimensi yang ditentukan boleh dikekalkan jika sekurang-kurangnya 80% pakar bersetuju bahawa item tersebut sesuai bagi dimensi yang telah ditetapkan. Manakala item yang memperoleh kurang daripada 60% persetujuan pakar perlu disingkirkan. Item yang memperoleh persetujuan pakar antara 60% hingga 80% pula perlu dimurnikan berdasarkan cadangan dan komen daripada kumpulan pakar (Mohd Sahandri et al., 2013). Jadual 4 menunjukkan maklum balas bagi kesemua panel penilai instrumen.

Jadual 4  
Maklum Balas Keseluruhan Panel Penilai Instrumen

Item Semakan	Pakar		
	1	2	3
Ketepatan penggunaan dimensi	Ya	Ya	Ya
Format instrumen kajian	Ya	Ya	Ya
Kejelasan makna setiap item	Ya	Baiki	Baiki
Kesesuaian bahasa yang digunakan	Baiki	Ya	Baiki
Kesesuaian saiz tulisan	Ya	Ya	Ya
Kejelasan tentang arahan yang diberikan	Ya	Ya	Baiki
Penggunaan jarak tulisan	Ya	Ya	Ya
Petunjuk bagi skala pengukuran	Ya	Ya	Ya
Kejelasan objektif instrumen	Ya	Ya	Ya
Ejaan betul	Ya	Baiki	Ya
Ulasan keseluruhan	Sesuai	Sesuai	Sesuai

(Sumber: Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Wei, 2017)

### ***Kebolehpercayaan Instrumen Kajian***

Kebolehpercayaan merupakan nilai ketekalan atau kestabilan keputusan penilaian sesuatu pemboleh ubah (Azizi Ahmad, 2010) menggunakan pekali alfa Cronbach bagi setiap pemboleh ubah dan keseluruhan instrumen penilaian. Kesemua dimensi dalam instrumen asal dikekalkan dan satu kajian rintis dilaksanakan bagi mendapatkan nilai alfa Cronbach yang baru untuk kajian ini memandangkan kajian ini dilaksanakan secara kaedah keratan rentas di sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan pula. Kajian rintis dijalankan bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen iklim sekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi berada pada tahap memuaskan dan stabil. Secara individu, bagi menentukan item yang harus dikekalkan atau digugurkan, data-data kajian rintis telah dianalisis melalui semakan item menggunakan analisis skala bagi mendapatkan kebolehpercayaan alfa Cronbach (Chua, 2011).

Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh daripada kajian rintis dan kajian lapangan juga telah dianalisis dan diterjemah menggunakan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007; Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, 2017), seperti di Jadual 5 bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan dari instrumen kajian yang dibina. Hair, Black, Babin, dan Anderson (2010) juga menjelaskan nilai 0.70 adalah secara amnya telah dipersetujui sebagai nilai yang boleh diterima.

Jadual 5  
Interpretasi Nilai Alfa Cronbach

<b>Alfa Cronbach</b>	<b>Interpretasi</b>
0.90 ke atas	Sangat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

(Sumber: Lim, 2007; Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, 2017)

### ***Pengumpulan dan Analisis Data***

Dalam tempoh empat minggu, borang-borang soal selidik yang telah diedarkan di sekolah-sekolah yang dipilih dan seterusnya dipungut semula dengan kaedah melawat sendiri ke sekolah-sekolah yang terlibat. Kesemua borang telah dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20.0 untuk menganalisis data deskriptif (Creswell, 2014). Data kajian dianalisis menggunakan analisis skala bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach manakala analisis deskriptif bagi mendapatkan skor min untuk menentukan tahap pemboleh ubah iklim sekolah pada lima tahap yang berbeza, iaitu dalam julat 1-Sangat Rendah hingga 5-Sangat Tinggi.

## **DAPATAN KAJIAN**

### ***Dapatan Kajian Rintis***

Bagi pelaksanaan kajian rintis, seramai 30 responden telah dipilih di sebuah sekolah menengah berprestasi tinggi. Kajian rintis dijalankan bagi memastikan instrumen yang digunakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi bagi kegunaan kajian lapangan (Chua, 2011; Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2014). Malah, pelaksanaan kajian rintis juga dibuat bagi tujuan penambahbaikan terhadap item agar instrumen yang dibina benar-benar

mampu mengukur pemboleh ubah kajian (Creswell, 2014; Chua, 2011). Malah, tempoh masa menjawab yang diambil oleh responden juga boleh dikenal pasti, selain memastikan setiap item boleh difahami dengan jelas. Semasa kajian rintis dilaksanakan, didapati bahawa masa yang diambil oleh responden adalah dalam tempoh masa 15-30 minit.

Merujuk kepada Chua (2011), jika sesuatu item dalam dimensi mempunyai nilai alfa Cronbach jika item disingkirkan (*Alpha if item deleted*) lebih tinggi daripada nilai alfa Cronbach bagi dimensi tersebut, maka item itu perlu digugurkan. Maka apabila data kajian rintis diperoleh, nilai alfa Cronbach jika item disingkirkan (*Alpha if item deleted*) bagi setiap item dibandingkan dengan nilai alfa Cronbach bagi dimensi yang terlibat dalam instrumen tersebut bagi menentukan sama ada item yang digunakan boleh diterima atau disingkirkan.

Dapatan kajian rintis tentang instrumen iklim sekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh bagi kesemua lima dimensi dalam instrumen berkenaan. Berdasarkan Jadual 6, nilai alfa Cronbach berada dalam julat  $\alpha=.83$  hingga  $\alpha=.90$ . Nilai alfa Cronbach yang tertinggi ialah  $\alpha=.90$  bagi dimensi inovasi pengajaran. Manakala nilai alfa Cronbach yang paling rendah pula bagi dimensi hubungan pelajar dan sumber sekolah, kedua-duanya dengan nilai  $\alpha=.83$ . Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai alfa Cronbach keseluruhan bagi instrumen iklim sekolah ini ialah  $\alpha=.79$ . Nilai ini menunjukkan bahawa instrumen iklim sekolah ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sederhana.

Jadual 6  
Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Bagi Kajian Rintis

Pemboleh Ubah & Dimensi	Bilangan Item	$\alpha$	Interpretasi
Iklim Sekolah	21	.79	Sederhana
Kolaborasi	6	.84	Baik
Hubungan pelajar	4	.83	Baik
Sumber sekolah	4	.83	Baik
Membuat keputusan	3	.89	Baik
Inovasi pengajaran	4	.90	Sangat baik

Nilai alfa Cronbach yang berada antara julat tersebut menunjukkan kesemua item, dimensi dan pemboleh ubah dalam instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik dan diterima (Hair, Babin, & Krey, 2017). Ini bermakna item-item yang terkandung dalam instrumen kajian adalah sesuai untuk digunakan dalam kajian lapangan bagi mengukur pemboleh ubah iklim sekolah.

### ***Dapatan Kajian Sebenar***

Kajian lapangan pula dijalankan bagi meninjau sama ada nilai pekali kebolehpercayaan yang didapati adalah stabil bagi setiap dimensi dalam instrumen berbanding dengan kajian rintis yang telah dilaksanakan. Nilai kebolehpercayaan bagi kajian lapangan ini dianalisis dan diinterpretasi sebagaimana yang telah diperjelaskan untuk kajian rintis.

Dapatan kajian lapangan berkenaan instrumen iklim sekolah menunjukkan bahawa nilai alfa Cronbach bagi setiap dimensi berada dalam julat  $\alpha=.84$  hingga  $\alpha=.91$ . Dimensi kolaborasi menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang paling tinggi iaitu  $\alpha=.91$ . Manakala, dimensi membuat

keputusan pula menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang paling rendah iaitu  $\alpha=.84$ . Manakala, nilai alfa Cronbach bagi keseluruhan instrumen ini ialah  $\alpha=.97$  berada pada tahap sangat baik, diperincikan dalam Jadual 7.

Jadual 7  
Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Bagi Kajian Lapangan

Pemboleh Ubah & Dimensi	Bilangan Item	$\alpha$	Interpretasi
Iklim Sekolah	21	.97	Sangat baik
Kolaborasi	6	.91	Sangat baik
Hubungan pelajar	4	.84	Baik
Sumber sekolah	4	.85	Baik
Membuat keputusan	3	.84	Baik
Inovasi pengajaran	4	.84	Baik

Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan kajian rintis dan kajian lapangan, instrumen iklim sekolah di sekolah-sekolah berprestasi tinggi menepati nilai kebolehpercayaan yang memuaskan dan sesuai diterima pakai untuk kajian ini.

#### **Tahap Iklim Sekolah**

Analisis deskriptif telah dilaksanakan bagi mendapatkan nilai min dan interpretasi tahap iklim sekolah di sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Skor min digunakan bagi mendapatkan interpretasi min yang lebih tepat untuk kajian ini dijelaskan dalam Jadual 8.

Jadual 8  
Tafsiran Skor Min

Tahap	Skor Min
Sangat rendah	1.00 – 2.20
Rendah	2.21 – 3.40
Sederhana	3.41 – 4.60
Tinggi	4.61 – 5.80
Sangat tinggi	5.81 – 7.00

$(UL-LL)/NC = ((7-1)/5)=1.20$ ; UL: Had tertinggi, LL: Had terendah, NC: Bilangan sel  
(Sumber: Alotaibi et al., 2017)

Hasil analisis menunjukkan skor min bagi pemboleh ubah kajian iklim sekolah ( $M=5.42$ ,  $SP=.79$ ) berada pada tahap tinggi. Begitu juga dengan skor min bagi kesemua dimensi dalam pemboleh ubah iklim sekolah, kesemuanya berada pada tahap tinggi dengan julat min antara 5.40 hingga 5.43. Skor min paling tinggi ialah bagi dimensi sumber sekolah ( $M=5.43$ ,  $SP=.83$ ) dan inovasi pengajaran ( $M=5.43$ ,  $SP=.75$ ). Manakala skor min terendah ialah bagi dimensi membuat keputusan ( $M=5.40$ ,  $SP=.88$ ). Perincian skor min dijelaskan dalam Jadual 9.

Jadual 9  
Analisis Statistik Deskriptif

Pemboleh Ubah dan Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Iklim Sekolah	5.42	.78	Tinggi
Kolaborasi	5.42	.82	Tinggi

Hubungan pelajar	5.41	.79	Tinggi
Sumber sekolah	5.43	.83	Tinggi
Membuat keputusan	5.40	.88	Tinggi
Inovasi pengajaran	5.43	.75	Tinggi

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Proses adaptasi dan pengesahan instrumen penilaian iklim sekolah adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi guru-guru terhadap iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan model penilaian KIPP (konteks-input-proses- produk) oleh Stufflebeam (1971). Berpandukan model ini, pengkaji telah menghasilkan kerangka konseptual bagi kajian ini yang menggambarkan hubungan antara konteks, input, proses dan produk yang telah diperjelaskan.

Kajian ini dijalankan melalui tiga fasa. Pertama, proses ini dimulakan dengan menentukan pernyataan masalah, diikuti oleh objektif dan soalan kajian. Kedua, tinjauan-tinjauan literatur tentang langkah-langkah mengadaptasi instrumen, model yang digunakan, prosedur menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dikumpul dan dianalisis. Ketiga, proses melibatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang diadaptasi. Peringkat ini menghuraikan prosedur yang diguna pakai oleh penyelidik dalam proses adaptasi instrumen merangkumi pengenalanpastian dimensi dan pemboleh ubah yang berkaitan, penentuan kesahan, penentuan skor data setiap dimensi, penentuan kebolehpercayaan dan penghasilan instrumen terkini setelah dimurnikan. Kesahan item kemudiannya disemak oleh pakar-pakar bidang yang berkenaan. Manakala kebolehpercayaan instrumen dianalisis menggunakan data kuantitatif yang dikumpul melalui kajian rintis dan kajian lapangan dianalisis bagi menentukan nilai pekali alfa Cronbach.

Analisis kebolehpercayaan instrumen bagi kajian rintis menunjukkan secara keseluruhannya instrumen iklim sekolah mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sederhana. Dimensi inovasi pengajaran menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik diikuti oleh dimensi membuat keputusan, kolaborasi, hubungan pelajar dan sumber sekolah yang berada pada tahap baik. Manakala bagi kajian lapangan, Analisis kebolehpercayaan instrumen menunjukkan secara keseluruhannya instrumen iklim sekolah mempunyai nilai kebolehpercayaan yang lebih tinggi dan berada pada tahap sangat baik. Dimensi kolaborasi menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang juga sangat baik, diikuti oleh dimensi sumber sekolah, inovasi pengajaran, hubungan pelajar dan membuat keputusan yang berada pada tahap baik. Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan kajian rintis dan kajian lapangan, instrumen iklim sekolah di sekolah-sekolah berprestasi tinggi menepati nilai kebolehpercayaan yang memuaskan dan sesuai diterima pakai untuk mengkaji iklim sekolah.

Kajian oleh Suhaili Mohd Yusoff & Khaliza Saidin (2016) juga menjelaskan bahawa dimensi iklim sekolah merangkumi dimensi bekerjasama, dimensi membuat keputusan, dimensi inovasi pengajaran, dimensi hubungan dengan murid dan dimensi sumber-sumber sekolah. Di samping itu, tahap iklim sekolah juga berada pada tahap tinggi. Di samping dapat memberikan sumbangan yang lebih relevan terhadap penambahbaikan di sekolah khususnya dalam memantapkan tahap komitmen guru sekiranya ianya dinilai dari aspek iklim sekolah, ia menunjukkan bahawa sesungguhnya, aspek iklim sekolah adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam semua

organisasi pendidikan kerana sumbangannya yang positif kepada pelbagai pemboleh ubah di peringkat guru.

Terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti, antaranya sampel bagi kajian ini adalah terdiri guru-guru di sekolah menengah berprestasi tinggi di Kelantan. Justeru, dicadangkan sampel kajian boleh diperluaskan dengan melibatkan guru-guru dari tingkatan yang lain juga supaya dapat merangkumi pemahaman tentang iklim sekolah secara lebih menyeluruh di sekolah menengah di Malaysia. Instrumen iklim sekolah yang diadaptasi ini merupakan satu bentuk yang fleksibel di mana instrumen ini boleh dilaksanakan secara berasingan mengikut dimensi-dimensi yang telah ditetapkan. Antaranya pengetahuan sedia ada, kefahaman guru terhadap iklim sekolah, gaya pembelajaran murid, sikap pembelajaran dan pendekatan pengajaran guru. Justeru, terdapat beberapa pandangan yang boleh diberikan perhatian dalam kajian akan datang dengan tujuan penambahbaikan penghasilan instrumen yang dibina serta boleh dijadikan sebagai panduan untuk kegunaan di masa akan datang.

Sehubungan itu, instrumen iklim sekolah wajar disahkan kerana guru dapat menilai iklim sekolah secara sendiri. Di samping itu, bagi semua pendidik pula, mereka dapat mengetahui tahap keberkesanan iklim sekolah. Faktor ini merupakan salah satu usaha ke arah iklim sekolah yang kondusif. Kesimpulannya, kajian terhadap iklim sekolah adalah sangat bermakna untuk dilaksanakan. Data-data terkini juga harus sentiasa dikumpulkan daripada para guru dari semasa ke semasa untuk menentukan penilaian sendiri guru-guru dalam usaha meningkatkan dan menambah baik iklim sekolah seterusnya memacu kejayaan murid dan kecemerlangan sekolah.

## **RUJUKAN**

- Aladenusi, Oluwakemi, & Ayodele, Kolawole Olanrewaju. (2014). Counterproductive behaviour and job performance among secondary school teachers: School climate as a mediator. *Journal of Education and Practice*, 5 (8). 198-204.
- Alotaibi, M. M. M., Almasari, S. M., Alkadam, A. N. M., Alanazi, Y. A., Ayidh, K., & Gahtani, A. (2017). Knowledge and compliance with standard isolation precautions among healthcare students in Al-Kharj Governorate, Saudi Arabia. *Journal of Health Specialties*, 5(3), 162–170. <http://doi.org/10.4103/jhs.JHS>
- Azizi Ahmad. (2010). Pentaksiran pendidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Subramaniam, M. (2002). Reka bentuk perisian multimedia (1st ed.). Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Bradshaw, C. P., Waasdorp, T. E., Debnam, K. J., & Johnson, S. L. (2014). Measuring school climate in high schools: A focus on safety, engagement, and the environment. *Journal of School Health*, 84(9), 593-604. <https://doi.org/10.1111/josh.12186>
- Catherine P. Bradshaw, Tracy E. Waasdorp, Katrina J. Debnam, Sarah Lindstrom Johnson. (2014). Measuring school climate in high schools: A focus on safety, engagement, and the environment. *Journal of School Health*, 84 (9). 593-604.

- Christine M. Ramsey, Adam P. Spira, Jeanine M. Parisi & George W. Rebok. (2016). School climate: perceptual differences between students, parents, and school staff. *School Effectiveness and School Improvement*, 27(4), 629-641, DOI: [10.1080/09243453.2016.1199436](https://doi.org/10.1080/09243453.2016.1199436)
- Chua, Y.P. (2011) Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan. McGraw-Hill Education, Shah Alam. ISBN 978-967-5771-31-6
- Cohen, J., McCabe, L., Michelli, N. M., Pickeral, T. (2009). School climate: Research, policy, practice, and teacher education. *Teachers College Record*. 111. 180-213. Retrieved from <http://www.tcrecord.org/library>
- Collie, R. J., Shapka, J. D., & Perry, N. E. (2012). School climate and social-emotional learning: Predicting teacher stress, job satisfaction, and teaching efficacy. *Journal of Educational Psychology*, 104(4), 1189–1204. <http://doi.org/10.1037/a0029356>
- Creswell, J. W. (2014). Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches (4th ed.). London: Sage Publications Ltd.
- Ebrahimi M. & Mohamadkhani, K. (2014). The Relationship between organizational climate and job involvement among teachers of high schools in Delijan City (Iran). *International Journal of Management and Business Research*. 4 (1). 65-72. [http://www.ijmbr.org/article\\_2261\\_473.html](http://www.ijmbr.org/article_2261_473.html)
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014). Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS. Universiti Utara Malaysia.
- Fei, E. L. & Han, C. G. K. (2017). Hubungan iklim sekolah dengan motivasi guru Fakulti Psikologi dan Pendidikan. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 8. 43-68.
- Fisher, D.L. & Fraser, B. J. (1990). School climate: Assessing and improving the school environment. *Research Information for Teachers*. 2 (4). Melbourne Australia. Australian Council For Educational Research.
- Ghavifekr, S., Pillai, N.S. (2016). The relationship between school's organizational climate and teacher's job satisfaction: Malaysian experience. *Asia Pacific Education Review*. 17. 87–106. <https://doi.org/10.1007/s12564-015-9411-8>
- Hair, J. F., Babin, B. J., & Krey, N. (2017). Covariance-based structural equation modeling in the Journal of Advertising: Review and recommendations. *Journal of Advertising*, 46(1), 163–177. <http://doi.org/10.1080/00913367.2017.1281777>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis*. Prentice Hall (7th ed.). Englewood Cliffs. <http://doi.org/10.1016/j.ijpharm.2011.02.019>
- Harpin, A.W. & Croft, D.B. (1963). The organizational climate of school. Chicago, Midwest Administration Centre University of Chicago.
- Henrich, C., K. Brookmeyer, & G. Shahr. (2005). Weapon violence in adolescence: Parent and school connectedness as protective factors. *Journal of Adolescent Health*, 37 (4). 306–312.



- Howard, E.R. (1974). School climate improvement. *Education Digest*. 39 (8). 333-336
- Johnson, B. P., Stevens, J. J., & Zvoch, K. (2007). Teachers' perceptions of school climate: A validity study of scores from the revised school level environment questionnaire. *Educational and Psychological Measurement*, 67(5), 833–844. <http://doi.org/https://doi.org/10.1177/0013164406299102>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia. Putrajaya, Malaysia. <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/terbitan/buku-perangkaan-pendidikan-malaysia/3207-buku-perangkaan-pendidikan-malaysia-2019/file>
- Khalid Johari. (2003). Penyelidikan dalam pendidikan: Konsep dan prosedur. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Kline, R. B. (2005). Methodology in the social sciences. Principles and practice of structural equation modeling (2nd ed.). Guilford Press.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *educational and psychological measurement*. 30. 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Kohl, D., Recchia, S., & Steffgen, G. (2013). Measuring school climate: An overview of measurement scales, *Educational Research*. 55 (4). 411-426. DOI: [10.1080/00131881.2013.844944](https://doi.org/10.1080/00131881.2013.844944)
- Lailatu Zahro. (2016). Urgensi pembinaan iklim dan budaya sekolah. *Jurnal Pendidikan Agama Islam (Journal of Islamic Education Studies)*. 3(1). 157-186. <https://doi.org/10.15642/jpai.2015.3.1.157-186>
- Lee, C. H., (2010). An ecological systems approach to bullying behaviors among middle school students in the United States. *Journal of Interpersonal Violence*. 3. 1-30.
- Lee, C.-H., & Song, J. (2012). Functions of parental involvement and effects of school climate on bullying behaviors among South Korean middle school students. *Journal of Interpersonal Violence*. 27(12). 2437–2464. <https://doi.org/10.1177/0886260511433508>
- Lim Chong Hin. (2007). Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah, Mohd Sahandri Gani Hamzah, Che Nidzam Che Ahmad, Mazlini Adnan, Noraini Mohamed Noh, & Shafini Suhaimi. (2014). Pembinaan instrumen amalan pentaksiran guru Matematik sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. 4 (1). 1 -14.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, T. W. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian sendiri pembelajaran Geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*. 14 (1). 211-265.
- Mohd Faizul Mohd Noor, Mohd Saifulkhair Omar, & Fauzi Hussin. (2016). Hubungan Iklim sekolah dan stres guru sekolah menengah di Daerah Kuala Nerus, Terengganu. *Proceeding of*

- ICECRS. 1. 39-48. <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs> Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.573>
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Laily Paim, Sharifah Azizah Haron & Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah. (2013). Buku panduan pembinaan instrumen “Anda dan Kepenggunaan”. Tanjung Malim, Perak: Emeritus Publications.
- Najeemah M. Yusof. (2012). School Climate and Teachers’ Commitment: A Case Study of Malaysia. *Malaysia International Journal of Economics, Business and Management Studies*. 1 (2). 65-75.
- O’Malley, M., Katz, K., Renshaw, T., Furlong, M. (2012). Gauging the system: Trends in school climate measurement and intervention. In Jimerson, S. R., Nickerson, A. B., Mayer, M. J., Furlong, M. J. (Eds.), *Handbook of school violence and school safety: International research and practice* (2nd ed., pp. 317–329). New York, NY: Routledge.
- \*O’Malley, M., Voight, A., Renshaw, T. L., Eklund, K. (2015). School climate, family structure, and academic achievement: A study of moderation effects. *School Psychology Quarterly*. 30. 142–157. doi:10.1037/spq0000076
- Ramsey, C. M., Spira, A. P., Parisi, J. M. & Rebok, G. W. (2016). School climate: perceptual differences between students, parents, and school staff. *School Effectiveness and School Improvement*. 27(4). 629-641. DOI: 10.1080/09243453.2016.1199436
- Rapti, D. (2013). School climate as an important component in school effectiveness. *Academicus International Scientific Journal*. 8. 110-125. Entrepreneurship Training Center.
- Siti Noor Ismail. (2011). Hubungan antara amalan pengurusan kualiti menyeluruh (TQM) dengan iklim sekolah dalam kalangan sekolah-sekolah menengah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah di Negeri Kelantan. PhD. Thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Stufflebeam, D.L. (1971). *Education evaluation and decision making*. Itasca, Illinois: F.E. Peacock Publisher, Inc.
- Stufflebeam. D.L. (1971). The relevance of CIPP evaluation model for educational accountability. *Journal of Research and Development in Education*. 5(1). 19-25.
- Suhaili Mohd Yusoff & Khaliza Saidin. (2016). Tahap iklim sekolah, tahap komitmen guru serta hubungan di antara iklim sekolah dengan komitmen guru sekolah-sekolah menengah Daerah Machang, Kelantan. Proceeding of ICECRS. 1. 635-646. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Syed Muhd Kamal S.A.B., Ahmad, E. & Syed Muhamad Dawilah, S. A. (2014). Instrumen penilaian kemahiran generik dalam kursus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK): Metode kajian. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*, 225-236
- Voight, A. & Nation, M. (2016). Practices for Improving Secondary School Climate: A Systematic Review of the Research Literature. *American Journal of Community Psychology, Wiley Online Library*. 58 1(1-2). 1-225.

- Wang, M. T., & Degol, J. L. (2015). School climate: A review of the construct, measurement, and impact on student outcomes. *Educational Psychology Review*. 1-38.
- Wang, M. & Degol, J. (2016). School climate: A review of the construct, measurement, and impact on student outcomes. *Education Psychology Review*. 28. 315-352. <https://doi.org/10.1007/s10648-015-9319-1>
- You, S., Furlong, M. J., Dowdy, E., Renshaw, T. L., Smith, D. C., & O'Malley, M. D. (2014). Further validation of the Social and Emotional Health Survey for high school students. *Applied Research in Quality of Life*, 9(4). 997-1015.
- Zullig, K. J., Koopman, T. M., Patton, J. M., & Ubbes, V. A. (2010). School climate: Historical review, instrument development, and school assessment. *Journal of Psychoeducational Assessment*. 28(2). 139-152. <https://doi.org/10.1177/0734282909344205>
- Zainudin Awang. (2014). *Research methodology and data analysis* (2nd ed.). Subang Jaya, Selangor: UiTM Press.